

## FAQ

### **Dana Antarabangsa Belia KBS (*International Youth Fund, IYF@KBS*) Kementerian Belia dan Sukan**

- 1. Adakah saya layak memohon IYF jika saya bukan ahli persatuan/pertubuhan/kelab yang tidak berdaftar dengan ROY, ROS, atau PJS?**

Tidak. Hanya pemohon yang merupakan ahli persatuan/pertubuhan/kelab yang berdaftar dengan ROY, ROS atau PJS yang layak memohon.

- 2. Bolehkah saya mengemukakan lebih daripada satu permohonan?**

Ya, pemohon dibenarkan mengemukakan lebih daripada satu permohonan. Walau bagaimanapun, hanya satu permohonan sahaja yang akan dipertimbangkan untuk kelulusan.

- 3. Bolehkah saya menukar ke mesyuarat/forum/persidangan/simposium lain selepas mendapat kelulusan?**

Pemohon tidak dibenarkan menukar mesyuarat/forum/persidangan/simposium tanpa sebab munasabah selepas Surat kelulusan dikeluarkan. Segala perubahan perlu dimaklumkan kepada Sekretariat IYF.

- 4. Sekiranya mesyuarat/forum/persidangan/simposium ditangguhkan atau dibatalkan atau pemohon tidak dapat hadir ke mesyuarat/forum/persidangan/simposium, apakah tindakan yang perlu diambil oleh pemohon?**

Pemohon bertanggungjawab untuk memaklumkan segera kepada Sekretariat IYF sekiranya berlaku penangguhan atau pembatalan mesyuarat/forum/persidangan/simposium. Sekretariat IYF berhak untuk menarik balik dana yang telah disalurkan, termasuk menuntut pemulangan sepenuhnya jika perlu.

- 5. Adakah saya masih layak dipertimbangkan menerima dana ini sekiranya menghadiri mesyuarat/forum/persidangan/simposium secara maya (*virtual*)?**

Tidak. IYF hanya terbuka kepada penyertaan mesyuarat/forum/persidangan/simposium secara fizikal di luar negara. Program secara dalam talian (*virtual*) tidak layak untuk dipertimbangkan pembiayaan di bawah dana ini.

- 6. Adakah saya layak memohon bagi mesyuarat/forum/persidangan/simposium yang dianjurkan oleh organisasi antarabangsa tetapi dilaksanakan dalam negara?**

Tidak. Dana IYF hanya terbuka kepada penyertaan mesyuarat/forum/persidangan/simposium yang berlangsung secara fizikal di luar negara. Meskipun dianjurkan oleh organisasi antarabangsa, program yang dijalankan dalam Malaysia tidak layak dipertimbangkan.

**7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya tidak dapat hadir ke mesyuarat/forum/persidangan/simposium selepas menerima dana?**

Sekiranya anda tidak dapat hadir ke mesyuarat/forum/persidangan/simposium yang telah diluluskan, anda perlu memaklumkan kepada pihak Sekretariat IYF dengan segera. Anda akan diminta untuk memulangkan dana yang telah diberikan jika tidak dapat hadir ke mesyuarat/forum/persidangan/simposium tersebut.

**8. Adakah saya perlu memulangkan dana sekiranya tidak menggunakan sepenuhnya peruntukan yang diberikan?**

Ya. Sekiranya terdapat lebih daripada jumlah dana yang telah disalurkan, pemohon diwajibkan memulangkan baki tersebut kepada Sekretariat IYF.

**9. Bolehkah saya membuat rayuan sekiranya permohonan ditolak?**

Keputusan Jawatankuasa Pelulus adalah **MUKTAMAD** dan segala rayuan tidak akan dipertimbangkan.